

Diserang anjing jiran

Niat wanita untuk minta daun kesum bertukar tragedi

>>Oleh Yusmawati Mhd Yusof

yusmawati@hmetro.com.my

MELAKA: Niat seorang suri rumah ke rumah jiran untuk meminta daun kesum bertukar tragedi apabila dia diserang anjing peliharaan jiran menyebabkan dia cedera di Taman Sri Duyong, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.55 pagi, Latipah Ali, 57, diserang selepas tali anjing berkenaan yang dipegang anak perempuan pemiliknya terlepas dari gengaman.

Menurut Latipah, dia tidak menyangka akan menjadi mangsa kerana ketika mahu melalui lorong bersebelahan rumah jirannya itu, anjing yang bertali itu dipegang anak perempuan pemilik haiwan itu.

"Malah, sebelum melintasi kawasan anjing berkenaan,

saya sudah meminta anak pemilik haiwan itu mengalih anjing berkenaan kerana takut dengan salakan yang semakin kuat selain anjing terbabit meronta cuba melepaskan diri.

"Namun, permintaan tidak diendah dan apabila saya cuba melintasnya secara tiba-tiba tali berkenaan terlepas dan anjing itu cuba menerkam saya," katanya ketika ditemui Harian Metro, di sini, semalam.

Menurutnya, ketika kejadian, dipercayai anak pemilik haiwan berkenaan membawa anjing peliharaan bersiar-siar dan membuang najis.

Katanya, dia yang terkejut dengan kejadian serangan itu cuba menyelamatkan diri sebelum terjatuh ke dalam longkang berhampiran.

"Saya terlalu takut dan menjerit meminta tolong, bersyukur ada jiran datang membantu," katanya.

Menurutnya, akibat kejadian itu dia cedera di tangan, badan serta kaki kanan dan dibantu jiran lain mendapatkan rawatan di Hospital Melaka.

Latipah berkata, dia kecewa kerana pemilik haiwan itu tidak memohon maaf berikutan kejadian itu sebaliknya mentertawakannya yang ketika itu menahan sakit.

"Saya sangat bernasib baik kerana ketika itu jiran yang lain terdengar jeritan saya sebelum cuba membantu dan membawa mendapatkan rawatan ke hospital," katanya membuat laporan polis di Balai Polis Kandang.

Sementara itu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Zainal Abu, berkata pihaknya akan menjalankan siasatan berhubung kejadian itu dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemilik anjing itu.

Menurutnya, pemilik anjing dinasihatkan sentiasa mengambil kira faktor keselamatan orang ramai setiap kali membawa binatang peliharaan mereka bersiar-siar.

"Mangsa perlu membuat salinan laporan polis dan membuat aduan kepada MBMB, pihak kami akan menjalankan siasatan terperinci, jika benar pemilik mempunyai lesen, kita boleh mengambil tindakan jika didapati pemilik berkenaan cuai.

"Malah, kita juga akan melihat jenis anjing berkenaan sama ada sesuai untuk dijadikan binatang peliharaan atau tidak. Pemilik anjing dinasihati memastikan tali anjing yang digunakan selamat dan memberi haiwan itu makan secukupnya sebelum dibawa bersiar-siar bagi mengelakkan haiwan itu bertindas ganas," katanya ketika dihubungi semalam.



SAKIT...Latipah menunjukkan tangannya yang luka selepas terjatuh ke dalam longkang akibat diserang anjing.

FOTO | Rasul Azli Samad